

*EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY*

**UCAPAN ENCIK MASAGOS ZULKIFLI MASAGOS MOHAMAD,  
MENTERI DI PEJABAT PERDANA MENTERI, MENTERI KEDUA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN  
KEMENTERIAN EHWAL LUAR DI SEMINAR ANTARABANGSA  
KESUSASTERAAN ASIA TENGGARA PADA 7 SEPTEMBER  
2015, 9.00 PAGI DI HOTEL JEN TANGLIN**

Prof Madya Dr. Hadijah Rahmat

Pengerusi MASTERA Singapura

Dan Timbalan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura

Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin

Pengerusi MASTERA Brunei Darussalam

Prof Dr. Mahsun M.S.

Pengerusi MASTERA Indonesia

Encik Khor Kok Wah

Pengarah Kanan, Kesenian dan Kesusasteraan

Majlis Seni Kebangsaan (NAC)

Delegasi dari negara-negara MASTERA

Para sasterawan negara dan serantau

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

**Kuntuman bunga tumbuh melata,  
Sayang merbah di pohon cemara;  
Assalamualaikum pembuka kata,  
Selamat datang ke Singapura.**

## **PENGENALAN**

1. Pada pagi ini kita amat berbesar hati, kerana dapat berkumpul di sini untuk Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) yang Ke-21. Hari ini juga merupakan detik yang bersejarah buat Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) kerana untuk kali pertama, Singapura menjadi tuan rumah, selepas menjadi anggota Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pada tahun 2012.

## **PENYERTAAN SINGAPURA DENGAN MASTERA**

2. Tetapi, kegiatan MASTERA bukanlah sesuatu yang asing kerana Singapura sering dijemput mengikuti pelbagai kegiatan MASTERA sama ada sebagai pemerhati di Sidang Eksekutif, membentang makalah di seminar dan juga kegiatan-kegiatan lain seperti bengkel penulisan walaupun belum menjadi anggota.
  
3. Sasterawan kita seperti Cikgu Muhammad Ariif Ahmad dan Cikgu Suratman Markasan adalah antara tokoh-tokoh kita yang sering mengikuti perkembangan MASTERA sejak dari awal penubuhannya sebagai wakil Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS).

## **SASTERA SEBAGAI PENJALIN HUBUNGAN**

4. Sastera tidak pernah memisahkan malah menjadi titik pertemuan dan kebersamaan negara-negara Nusantara ini yang berkongsi sejarah dan khazanah sastera warisan yang penuh bererti.
  
5. Negara-negara rantau ini telah melahirkan karya-karya agung dalam pelbagai bentuk seperti hikayat dan syair dan kisah-kisah tauladan yang sehingga kini masih menjadi bahan rujukan dan kajian yang penting.

## **SINGAPURA SEBAGAI PUSAT PERSURATAN**

6. Singapura umpamanya pernah menjadi pusat percetakan dan penerbitan bahkan pusat intelektual serantau pada abad kesembilan belas. Ramai para cendekiawan dan sasterawan berkumpul di sini, yang datang dari setiap pelosok kepulauan Melayu.

Ia semacam memberi ruang untuk pertukaran idea-idea pada waktu itu dan membuahkan penghasilan karya-karya yang bermutu tinggi.

7. Teknologi percetakan yang dibawa masuk dari barat pada pertengahan abad kesembilan belas telah merancakkan lagi jumlah penerbitan dalam bahasa Melayu dan mengembangkan lagi penyebaran karya-karya sastera kita.

### **MERAKAM SEJARAH, INSPIRASI DAN ASPIRASI**

8. Sastera bukan hanya sekadar luahan rasa penulis, bahkan ia lebih daripada itu. Sastera adalah rakaman sejarah, catatan inspirasi dan aspirasi serta penglahiran gejolak rasa yang disampaikan dalam bentuk yang indah kepada masyarakat.

9. Bahkan sastera juga merupakan wahana menyalurkan dan mengongsikan nilai-nilai murni masyarakat melalui penceritaan dan meningkatkan pemahaman kepelbagaian budaya yang terdapat dalam kehidupan kita hari ini. Oleh itu, sastera mempunyai peranan penting dan harus terus mendapat dukungan supaya dapat terus dikembangkan.

### **TEMA SEMINAR: SASTERA RENTAS MEDIA**

10. Seminar kali ini bertujuan untuk memberikan makna dan nafas baharu kepada keupayaan dan usaha sastera rentas media dengan pembentang kertas antarabangsa dan dari rantau ini.

11. Kalau dahulu teknologi percetakan telah dapat mengembangkan karya sastera Melayu, kini dengan kehadiran pelbagai teknologi yang lebih canggih akan dapat dimanfaatkan untuk menyebarkan luaskan sastera.

12. Bukan sahaja dalam bentuk lisan atau tulisan tetapi melalui pelbagai wadah rentas media yang lain seperti layar perak, animasi ruang-ruang media sosial yang pelbagai.

## **PENUTUP**

13. Semoga seminar kali ini dan sesi-sesi perbincangan dan perkongsian yang akan diadakan selama dua hari ini dapat menghasilkan idea-idea baru yang dinamik yang dapat mengembangkan sastera Melayu kita ke tahap yang selanjutnya.

**Bertemu Negara serumpun,**

**Di Temasik indah bersinar;**

**Dua hari kita berhimpun,**

**Diucapkan Selamat berseminar!**

Wabillahi taufik Walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.